

## KPDNHEP Pulau Pinang keluarkan 32 kompaun sepanjang PKP



Mohd Ridzuan (tiga dari kiri) ketika meninjau operasi kedai gunting rambut di sekitar kawasan Alma, Bukit Mertajam semalam.

**BUKIT MERTA JAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengesan 32 kes atas pelbagai kesalahan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Sabtu lalu.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, kesalahan itu dikesan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan; Akta Timbang Sukat; dan Akta Perlindungan Pengguna.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan di 5,504 premis membabitkan pasar raya, kedai runcit, pasar awam, pemborong, pengilang dan farmasi.

"Sepanjang tempoh PKP, kita menerima 291 aduan daripada pengguna antaranya berhubung harga dan bekalan.

"Hasil pemeriksaan, sebanyak 32 kesalahan dikesan dan kita telah mengeluarkan kompaun berjumlah

RM22,900 kepada pengusaha terbabit," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Mohd Ridzuan mengadakan pemantauan pematuhan prosedur operasi standard kedai gunting rambut di sekitar Alma di sini.

Katanya, KPDNHEP Pulau Pinang telah memeriksa 34 premis dandan dan gunting rambut di negeri ini.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati kebanyakan premis menaikkan harga perkhidmatan antara RM2 hingga RM3 disebabkan peningkatan kos operasi seperti sarung tangan dan apron yang disyaratkan Majlis Keselamatan Negara.

"Setakat ini, sebanyak 15 notis dikeluarkan kepada pemilik premis gunting rambut agar mengemukakan senarai perkhidmatan yang ditawarkan sama ada harga yang diletakkan bersesuaian atau sebaliknya," katanya.